Sejajar itu, Jailani, Ning, Latih, Ismail, Muda et al. (2020) menyatakan bahawa pembangunan aplikasi multimedia dengan menggabungkan elemen-elemen teknologi terkini mampu mendekatkan murid dengan aktiviti pengajaran. Pembangunan aplikasi dengan teknologi bukan sahaja merapatkan jurang dalam teknologi malahan dapat memastikan penglibatan semua golongan murid dalam aktiviti pendidikan. Pendekatan heutagogi menjadi penyelesaian kepada masalah jurang yang wujud akibat pandemik COVID-19 (Lim, 2020). Pendekatan heutagogi ini memberi kebebasan kepada murid untuk menentukan cara mengakses pembelajaran tanpa bergantung pada guru semata-mata.





Seterusnya, Cahapay (2020) menyarankan menerusi kajiannya terhadap kepentingan dalam menyediakan bahan bantu belajar yang lebih memfokuskan kepada menarik minat Gen-Z. Menurut Cahapay (2020) masih terdapat ruang untuk menyediakan sumber pendidikan yang canggih dengan menggunakan teknologi terkini. Dalam pada itu, kepintaran buatan (*Artificial Intelligent*) merupakan teknologi yang baharu diserap dalam bidang pendidikan. Penerapan elemen-elemen teknologi terkini seperti ini dapat meningkatkan status pendidikan negara mahupun merealisasikan inisiatif kerajaan seperti disarankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) gelombang ke-tiga.

Menurut Nik Fairuz dan Harun (2020) pengintegrasian teknologi seperti kepintaran buatan menyokong kepada perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan dimana menekankan pembelajaran sendiri dan guru selaku fasilitator di dalam dan luar bilik darjah. Al-Qozani dan Aleryani (2018) menyatakan bahawa pelaksanaan pendidikan dengan menggabungkan elemen-elemen teknologi meningkatkan tahap keyakinan murid dalam berhadapan dengan guru dan rakan sekelas. Marquez, Villanueva, Zeida Solarte dan Garcia (2016) menyatakan bahawa mengintegrasikan teknologi terkini seperti kepintaran buatan sebagai watak baharu dalam persekitaran pendidikan dapat memudahkan interaksi antara (murid dan guru) dan (fizikal dan maya) objek dalam persekitaran akademik. Interaksi ini bermaksud bahawa objek dapat berkomunikasi antara satu sama lain dan dengan orang-orang yang berada dalam persekitaran pendidikan ini tanpa batasan masa dan tempat.



Penggunaan media teknologi menjadi alat bantu mengajar kepada guru dan dalam pada masa yang sama dapat menarik minat murid dengan melahirkan keyakinan diri (Sa'adiah et al., 2020). Tambah dalam kajiannya menyatakan bahawa penggunaan media teknologi mengikut trend dapat meningkatkan pemahaman murid dalam membelajari mata pelajaran Bahasa Melayu. Bahasa Melayu sekolah rendah mempunyai dua kertas iaitu kertas pemahaman dan kertas penulisan (BPK, 2021). Menurut Norliza (2019) walaupun peratus tahap literasi dapat dipertingkatkan setiap tahun, murid masih menghadapi cabaran dalam memetik isi-isi penting daripada sesebuah teks yang dibaca. Tambahan, kesukaran dalam mengenal pasti isi penting daripada sesebuah teks merumitkan murid untuk memahami kandungan lalu menjawab soalan yang dikemukakan. Namun, masalah ini dapat diatasi dengan penggunaan ilustrasi atau bahan grafik.



Rohana, Zakaria, Abd. Rashid, Mohd Arifin, Hairiel et al. (2020) mendapati penggunaan grafik dalam pengajaran dapat meningkatkan pemahaman murid dan juga melahirkan pemikiran kritikal dan kreatif. Selain itu, penggunaan media grafik juga mengaktifkan diri murid dan memudahkan guru dalam menyampaikan maklumat yang hendak disampaikan. Penggunaan ilustrasi dalam pembelajaran mahupun pengajaran dapat meningkatkan pemahaman murid khususnya dalam memahami teks yang panjang. Ini dapat dilihat menerusi penggunaan peta *I-Think* dalam kalangan guru seperti saranan KPM.



Dalam pada itu, pengenalan peta *I-Think* dalam pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengorak langkah bagi menjalankan pentaksiran yang berteraskan perkembangan sistem pendidikan dunia. Program *I-Think (Innovative Thinking)* adalah Program Pemikiran Inovatif yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif dalam kalangan murid. Pada dasarnya, program ini adalah hasil kerjasama di antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) serta telah dirintis di 10 buah sekolah iaitu enam buah sekolah rendah dan empat buah sekolah menengah sebelum diperluaskan ke seluruh Malaysia (Nik Hassan, Kosnin & Zakiah, 2013).

Malaysia perlu menjadi sebuah negara membangun yang dipacu oleh kemajuan inovasi dan harus mengekalkan daya saing di peringkat dunia. Justeru itu, bagi mencapai matlamat ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah bersama-sama memperkenalkan program *I-Think*. Pada awalnya, Richard Cummins dan Nick Symes dari *Thinking Schools Network and International Community* (TSI) ke Malaysia pada September 2011 selama tiga minggu bagi lawatan pencarian fakta. Lawatan ini bertujuan untuk melatih pasukan pusat dan kakitangan sekolah bagi projek *I-Think* dari sepuluh buah sekolah rintis telah dipersetujui. Objektif projek *I-Think* adalah untuk memupuk dan membangunkan modal insan yang inovatif, meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan kanak-kanak dan melengkapkan generasi akan datang dengan kemahiran berfikir aras tinggi.



Penggunaan peta pemikiran (grafik) atau lebih dikenali sebagai *I-Think* dapat melahirkan inovator generasi masa depan melalui memudahkan murid membuat perkaitan antara maklumat baru melalui penggunaan peta pemikiran yang sesuai. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2015), mengesan kelemahan dalam proses PdPc ialah kegagalan untuk membantu pelajar mencari perkaitan antara maklumat baharu dengan pengalaman sedia ada dan antara dunia pendidikan dengan kehidupan seharian. Tetapi penggunaan elemen-elemen grafik seperti ini dapat membantu guru untuk membuat penilaian ke atas aktiviti pengajaran yang dijalankan dalam memastikan inti pati atau kandungan mata pelajaran yang disampaikan difahami oleh murid di dalam dan luar bilik darjah.



Oleh itu, dapat merumuskan bahawa pandemik COVID-19 telah membawa perubahan dalam persekitaran pembelajaran. Walaupun, pada awal pandemik murid tidak dapat mengakses pendidikan dengan mudah namun ia telah membuka ruang yang luas bagi barisan guru dan murid untuk menimba ilmu dalam bidang teknologi. Teknologi telah diserap secara menyeluruh dalam sistem pendidikan. Dalam situasi tersebut, KPM telah dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi untuk penyampaian pendidikan dan menjadi pemangkin kepada Anjakan 7 PPPM 2013-2025 iaitu 'Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia'. Namun, terdapat ruang atau lompang yang boleh diisi dengan pembangunan bahan sumber instruksional multimedia yang dapat mengintegrasikan teknologi baharu seperti kepintaran buatan.






Seterusnya, penggunaan elemen grafik menunjukkan bahan bantu belajar yang mampu memberangsang pemikiran dan minat murid dalam menimba ilmu khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Jadi, kajian ini tertumpu pada pembangunan aplikasi digital T2IG yang mampu menjana teks yang panjang seperti teks bacaan dan karangan dalam bentuk infografik. Ini dapat membantu murid dalam memahami inti pati yang terdapat dalam bahan teks ini. Untuk tujuan itu, teknologi kepintaran buatan digabungkan dalam pembangunan aplikasi ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan bagi menampung beberapa isu permasalahan yang dikenal pasti dalam aspek pembangunan sumber pendidikan dan aktiviti pembelajaran murid khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Nurhijrah Zakaria, Mahmud dan Awang (2019) pencapaian skor purata Pentaksiran Kompetensi dan Literasi Sekolah Rendah (PKLSR) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu adalah 558. Ini menunjukkan peningkatan dalam skor literasi bacaan berbanding tahun 2012 yang hanya mencatat 398. Namun, dapatan menunjukkan murid-murid menggunakan pengetahuan formal untuk membuat hipotesis terhadap teks yang pendek dan mengalami kesukaran dalam mentafsir teks yang panjang dan kompleks. Ini menunjukkan terdapat keperluan untuk pembangunan sebuah bahan bantu belajar yang dapat membantu murid untuk mentafsir teks yang panjang mahupun bentuk karangan. Sehubungan itu, dengan mengenal pasti isi-isi penting daripada sesebuah teks bacaan dapat membantu murid dalam mengilhamkan dan mentafsir teks yang dibaca.



Menurut Mohd Helmi dan Puteri (2020) murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) mengalami masalah dalam penguasaan bahasa kedua iaitu Bahasa Melayu. Ini adalah disebabkan kebanyakan mata pelajaran diajar dalam bahasa ibunda masing-masing di SJK. Hal ini turut menyebabkan murid yang bukan penutur natif ini mengalami kesukaran dalam memahami teks petikan yang dibaca. Lalu, ini memudaratkan pencapaian dalam pentaksiran yang dijalankan di peringkat sekolah mahupun peringkat pusat.



Rajah 1.1. Pencapaian Kompetensi Murid


Rajah 1.1 menunjukkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris menerusi kajian impak MBMMBI bahawa pencapaian murid dalam menguasai peringkat pembelajaran berada pada tahap harapan dengan peratus pencapaian sebanyak 65.3%. Namun di peringkat ujian bertulis hanya berada pada tahap lemah dengan peratus pencapaian sebanyak 38.4% (Nora'Azian, 2020). Ini adalah disebabkan kegagalan murid dalam mengenal pasti lalu memahami isi-isi



penting daripada teks bacaan. Maka, ini menunjukkan bahawa murid dapat menguasai kemahiran membaca tetapi gagal dalam mengenal pasti isi-isi penting lalu ia menyumbang kepada kegagalan murid memahami kandungan teks yang dibaca. Rentetannya, murid tidak dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam bahagian kefahaman.

Sementara itu, data kajian Nur Nabilah, Latpi dan Berahim (2019) menunjukkan terdapat peningkatan dalam Murid Berkeperluan Khas (MBK) di sekolah rendah harian menerusi Program Pendidikan Inklusif (PPI). MBK yang belajar di bawah PPI mengalami kesukaran dalam mentafisr ayat-ayat panjang dan memahaminya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, peratusan penyertaan MBK dalam PPI ini menunjukkan peningkatan yang drastik. Negeri Pulau Pinang merupakan antara negeri-negeri di utara yang mendahului dalam bilangan murid MBK. Jadi, dengan memberi fokus kepada murid-murid di negeri Pulau Pinang dapat membantu dalam membangunkan sebuah aplikasi yang mampu menampung masalah yang dihadapi.





Rajah 1.2. Perbandingan Peratusan Penyertaan MBK PPI tahun 2013-2018. Sumber: Laporan Tahunan PPPM, (2018)

Rajah 1.2 menunjukkan MBK hanya 9.6% pada tahun 2013 berbanding meningkat pada tahap 50.49% bagi tahun 2018. Trend peratusan bagi MBK dalam PPI adalah menunjukkan peningkatan bagi setiap tahun. Berdasarkan data yang digambarkan dalam Rajah 1.2 menjadi indikator untuk membangunkan sebuah aplikasi yang memberi tumpuan terhadap menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid MBK dalam mentafsir dan memahami ayat-ayat panjang. Lantaran, data MBK bagi negeri-negeri utara turut dianalisis bagi tujuan memberi fokus utama dalam menentukan lokasi yang perlu diberi tumpuan. Ini adalah sejajar dengan langkah bagi menyelesaikan masalah murid MBK yang ditempatkan di bawah PPI bersama murid arus perdana.

Jadual 1.1

Peratus MBK PPI Negeri-negeri Utara

Negeri	Perlis	Kedah	Pulau Pinang	Perak
Peratus MBK	49%	46%	57%	48%

*Sumber: Laporan Tahunan PPPM, (2018)

Seterusnya, Jadual 1.1 menunjukkan peratus MBK di dalam PPI bagi negeri-negeri di utara. Berdasarkan Jadual 1.1 negeri Pulau Pinang menunjukkan peratusan yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri utara yang lain iaitu sebanyak 57% dan mana negeri-negeri Kedah (46%), Perlis (49%) dan Perak (48%). Maka, ini merupakan rasional pemilihan lokasi kajian ini di negeri Pulau Pinang bagi tujuan analisis keperluan dan penilaian aplikasi selepas fasa pembangunan aplikasi digital T2IG.

Dapatan kajian-kajian lepas dan juga laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2016-2019) menunjukkan bahawa terdapat keperluan bagi membangunkan sebuah aplikasi yang dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap teks yang dibaca. Tambahan, kajian Mellisa dan Zamri (2015) menunjukkan murid-murid tahap dua khususnya tahun empat mengalami kesukaran dalam memahami ayat-ayat panjang yang terkandung dalam sesebuah contoh karangan. Ini merumitkan murid dalam menghasilkan penulisan yang mantap. Kajian yang melibatkan murid-murid tahun empat dalam kajiannya menunjukkan murid mempunyai masalah dalam mentafsir sesebuah teks yang panjang lalu murid gagal dalam mengenal pasti isi-isi penting. Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini juga ditemu bual dan dapatannya



menunjukkan penyampaian kandungan dalam teks kepada menjadi masalah utama yang dihadapi semasa aktiviti pengajaran. Berdasarkan laporan tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) telah mengenal pasti sebanyak tujuh isu berkaitan dengan *Information Technology and Communication* (ICT) dalam pendidikan. Antara isu utama yang disenaraikan adalah teknologi terkini tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Hujah ini disokong oleh Al-Qozani dan Aleryani (2018) mendapati penggunaan teknologi terkini dalam bidang pendidikan terhad pada pembangunan platform *e-learning*.

Walaupun teknologi kepintaran buatan memberi pelbagai kemudahan kepada pengguna namun pengoptimuman dalam bidang pendidikan adalah sangat terhad. Ini turut dapat dilihat menerusi langkah dan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi pelaksanaan Pelan Transformasi ICT KPM (2018-2022). Antara tujuan utama pelaksanaan program ini adalah mewujudkan model atau rangka kerja sistem penyampaian pendidikan yang berintegrasi, *seamless*, efisien dan selamat dengan mengintegrasikan teknologi-teknologi terkini. Selain itu, Pelan Transformasi ICT KPM (2018-2022) turut meminimumkan pertindahan sistem aplikasi dan data antara aktiviti pembelajaran dan pengoperasian. Berdasarkan Ismail, Bakar dan Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa (2020) terdapat pembangunan sistem secara silo dalam bidang pendidikan yang dimana kebanyakan sistem aplikasi yang dibangunkan mempunyai pertindanan operasi antara persekitaran pembelajaran dan pengoperasian.





Sementara itu, kajian Norazah dan Tamil Selvan (2013) juga mendapati hampir 84% pelajar menggunakan platform *learning management system* (LMS) yang disediakan di lokasi kajian. Namun, 96% (140) sampel kajian daripadanya menyatakan aktiviti pembelajaran dalam platform LMS sedia ada hanya memfokus kepada aktiviti muat turun bahan pembelajaran dan hanya 32.8 % (48) daripadanya berinteraksi dengan tenaga pengajar dan rakan-rakan, 85.6% (125) daripadanya menyatakan kandungan bahan pembelajaran yang terdapat dalam LMS ini kurang interaktif, 89.7% (131) daripadanya menyatakan kandungan bahan pembelajaran dalam LMS kurang menepati kursus mereka. LMS merupakan salah satu media pendidikan yang menggunakan teknologi terkini namun, ia kurang memberangsangkan mengikut kehendak pengguna (murid) dan juga kepenggunaannya menunjukkan terhad kepada beberapa fungsi rutin seperti berkolaborasi dengan guru/rakan, memuat naik dan turun dokumen. Maka, dengan membangunkan aplikasi digital T2IG ini dapat memenuhi kehendak pengguna yang memerlukan kepelbagaian dalam fungsi.

Ocana Fernandez., Luis Alex Valenzuela dan Lourdes Garro-Aburto, (2019) menyatakan bahawa elemen kepintaran buatan (AI) menjadi subjek utama dalam trend pendidikan semasa. Banyak aplikasi digunakan secara meluas oleh pendidik dan murid masa kini, dengan beberapa variasi antara model K-12 dan konfigurasi yang diperlukan oleh insititusi pendidikan. Namun, penggunaan elemen kepintaran buatan ini kurang digunakan dalam pembangunan aplikasi sumber pedidikan. Maka, pembangunan aplikasi digital T2IG ini dengan elemen kepintaran buatan bagi menerima input dalam



bentuk teks daripada pengguna dan menjana dalam bentuk grafik. Pentafsiran teks ke bentuk grafik diterjemahkan oleh elemen kepintaran buatan itu sendiri.

Seterusnya, kajian Hapsari, Hanif, Gunarhadi dan Roemintoyo (2019) mendapati perkembangan teknologi telah membuatkan pengguna khususnya dalam pendidikan untuk mengakses pendidikan tanpa batasan tempat dan masa. Namun, pembangunan aplikasi yang mengintegrasikan teks kepada grafik adalah terhad. Penggunaan aplikasi yang menjana grafik meningkatkan pemahaman murid terhadap sesuatu konsep. Selain itu, Alhajri (2016) menyatakan bahawa penggunaan grafik dalam pembelajaran dapat meningkatkan tahap kreativiti dan juga pemahaman dalam konsep yang diterapkan. Jadi, kekurangan pembangunan aplikasi yang menjana teks ke bentuk grafik dapat diatasi menerusi pembangunan aplikasi digital T2IG.

Sementara itu, dapatan kajian rintis terhadap Bahan Sumber Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik (BSTEM) yang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Kurikulum (BPK) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu yang melibatkan 75 orang guru dan 239 orang murid mendapati sebanyak 63.6% murid merasakan penggunaan bahannya mencabar (Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Kajian yang sama menunjukkan 82.9% mengambil masa yang lama untuk menyiapkan aktiviti diberi dengan menggunakan bahan bantu belajar yang disediakan. Maka, ini menunjukkan terdapat ruang atau lompong untuk menampung keperluan pembangunan sebuah bahan bantu belajar atau sumber pendidikan yang mudah digunakan (*user friendly*) oleh murid. Dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan dengan jelas bahawa



wujud keperluan untuk membangunkan sebuah bahan intruksional yang dapat menjadi wahana yang menyelesaikan semua masalah yang dinyatakan. Maka, kajian ini adalah bertujuan untuk membangunkan aplikasi digital T2IG yang mengintegrasikan teknologi kepintaran buatan khususnya elemen *text analytics*. Pembangunan aplikasi ini dapat mewujudkan sebuah bahan intruksional yang mampu menjadi media menterjemahkan teks yang panjang dalam bentuk info grafik yang dapat interpertasikan maklumat dan isi-isu yang penting dari teks. Penggunaan aplikasi digital T2IG tertumpu pada penguasaan bahagian kefahaman dalam pentaksiran Bahasa Melayu.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan secara tiga fasa mengikut pendekatan *Design and Development Research* (DDR). Kajian ini dapat mencapai tiga objektif berikut:

1. Mengenal pasti keperluan pengguna terhadap pembangunan aplikasi digital T2IG untuk pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah.
2. Mereka bentuk dan membangunkan aplikasi digital T2IG untuk pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah.
3. Menilai kemudahan (*perceived ease of use*) dan kebolehgunaan (*perceived usefulness*) aplikasi digital T2IG untuk pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah.





1.5 Persoalan Kajian

Bagi memenuhi objektif yang berkenaan, kajian pembangunan ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

Fasa 1: Analisis Keperluan

1. Adakah terdapat keperluan pembangunan aplikasi digital T2IG bagi pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah?

- i. Adakah terdapat keperluan membangunkan aplikasi digital T2IG dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan pandangan guru?
- ii. Adakah elemen atau konstruk yang perlu disertakan dalam pembangunan aplikasi digital T2IG dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan pandangan guru?

Fasa 2: Pembangunan Reka bentuk dan Aplikasi digital T2IG

1. Adakah reka bentuk dan elemen atau konstruk aplikasi digital T2IG bagi pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah?

- i. Adakah terdapat kesepakatan pakar terhadap elemen atau konstruk yang dibangunkan dalam aplikasi digital T2IG?
- ii. Adakah pandangan kolektif pakar terhadap elemen atau konstruk yang dibangunkan dalam aplikasi digital T2IG?
- iii. Adakah pengesahan pakar terhadap pemilihan teknologi dan kandungan dalam pembangunan aplikasi digital T2IG mengikut pandangan pakar?

Fasa 3: Penilaian Aplikasi digital T2IG


1. Apakah tahap kemudahan (*perceived ease of use*) dan kebolegunaan (*perceived usefulness*) terhadap pembangunan aplikasi digital T2IG?

- i. Apakah tahap kemudahan (*perceived ease of use*) dan kebolegunaan (*perceived usefulness*) terhadap pembangunan aplikasi digital T2IG dalam kalangan murid-murid tahun 4 sekolah rendah?
- ii. Apakah tahap kemudahan (*perceived ease of use*) dan kebolegunaan (*perceived usefulness*) terhadap pembangunan aplikasi digital T2IG dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu?

1.6 Kerangka Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk membangunkan sebuah aplikasi yang bernama T2IG.

Aplikasi ini mampu menjana grafik bagi teks yang dimuatkan oleh pelajar dan ini akan membantu murid sekolah rendah khususnya bagi mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu tahun 4. Pembangunan aplikasi digital T2IG adalah berlandaskan pada beberapa teori dan model seperti dalam Rajah 1.3.




Rajah 1.3. Kerangka Kajian. Sumber: Diubahsuai dari Richey & Klein, (2007).
Design and Development

Rajah 1.3 menunjukkan pemilihan model dan teori dijadikan sebagai panduan bagi membangunkan aplikasi digital T2IG. Pemilihan dan penentuan model dan teori-teori kajian adalah berdasarkan pada keperluan dan tujuan pembangunan aplikasi. Menurut Latifa (2018) pemilihan dan penentuan teori dan model bagi sesebuah kajian adalah penting bagi memastikan kajian empirikal yang dijalankan berada pada landasan yang betul. Sejurus itu, pemilihan dan penentuan model-model dan teori kajian seperti digambarkan dalam Rajah 1.3 adalah memberi input dari sudut reka bentuk dan pembangunan aplikasi digital T2IG. Jadi, antara teknologi terkini yang digunakan dalam pembangunan aplikasi ini adalah kepintaran buatan. Seterusnya, teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Pembelajaran Individu oleh Keller (1986), Model Pemindahan yang disarankan oleh Lesh dan Lehrer (2003) dan Teori Instruksional Pendidikan Abad ke 21 (2018). Sementara itu, beberapa model teknologi juga digunakan dalam kajian ini antaranya, Model *text analytics* bagi mengintegrasikan elemen kepintaran buatan dalam pembangunan aplikasi ini dan Model TAM (Davis, 1989). Gabungan kedua-dua model ini adalah bagi tujuan pembangunan sebuah aplikasi yang dapat mengintegrasikan teknologi komponen kepintaran buatan. Hasil daripada gabungan model dan teori maka terbentuknya sebuah aplikasi yang bernama T2IG yang mampu menjana teks kepada bentuk info grafik.

1.6.1 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini adalah rangka kerja yang menggambarkan pelaksanaan kajian ini. Untuk tujuan itu, dalam kajian ini menggunakan pendekatan yang disarankan oleh Richey dan Klein (2007) dalam pembangunan aplikasi digital T2IG.



Rajah 1.4. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.4 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibina daripada gabungan model dan teori-teori kajian. Reka bentuk dan pembangunan aplikasi digital T2IG adalah berpandukan pada teori Pembelajaran Individu oleh Keller (1986), teori Instruksional Pendidikan Abad ke 21 (2018), model *Text Analytics*, model TAM, model Pemindahan Lesh dan Lehrer (2003) dan model Heutagogi. Penilaian terhadap pembangunan aplikasi digital T2IG ini dilihat dari sudut kemudahgunaan (*perceived*



ease of use) dan kebolegunaan (*perceived usefulness*). Ini adalah selaras dengan saranan Ridhuan et al. (2023) yang menyatakan bahawa penilaian ke atas sesuatu produk atau bahan yang dibangunkan boleh dinilai dari sudut kebolegunaan atau keberkesanan. Maka, dalam kajian ini pembangunan aplikasi digital T2IG dinilai dari aspek kebolegunaan. Seperti digambarkan dalam Rajah 1.4 kajian ini dijalankan dengan berpanduan pada pendekatan *Design and Development Research* (DDR). Maka, kajian ini dijalankan berdasarkan tiga fasa yang disarankan oleh Richey dan Klein (2007).

Dalam fasa analisis dijalankan dengan menggunakan reka bentuk campuran iaitu melalui kaedah tinjauan dan temu bual. Dalam kaedah tinjauan menggunakan aplikasi IBM SPSS bagi menilai keperluan pembangunan aplikasi dan turut menemu bual beberapa orang guru pakar Bahasa Melayu bagi mengetahui keperluan fungsian dan bukan fungsian pembangunan aplikasi digital T2IG. Sementara itu, dalam fasa reka bentuk dan pembangunan aplikasi digital T2IG teknik *fuzzy delphi* telah digunakan bagi mengumpul pandangan dan cadangan terhadap elemen dan komponen perlu diberi tumpuan. Lalu, model *text analytics* telah diinput bagi fasa pembangunan. Akhir sekali, fasa penilaian dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan model TAM bagi menilai kebolegunaan serta kemudahgunaan aplikasi digital T2IG.



1.7 Kepentingan Kajian

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) sistem pendidikan negara telah mengorak langkah ke gelombang ketiga yang menekankan anjakan kecemerlangan dalam tadbir-urus sendiri dengan mengoptimumkan elemen digital. Jadi, pembangunan bahan bantu belajar mempunyai kepentingan dalam merealisasikan hasrat kerajaan yang memberi tumpuan terhadap pendidikan digital. Pembangunan aplikasi digital T2IG turut mempunyai beberapa kepentingan terhadap dunia pendidikan dan pengurusan kurikulum sekolah. Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1.7.1 Pembinaan Ilmu (*Contribute to the body of knowledge*)

Kajian ini menjadi penyumbang kepada pembinaan ilmu (*contribute to the body of knowledge*), penambahbaikan dalam amalan (*improving practice*) dan juga menjadi panduan bagi pembinaan polisi (*policy making*). Terutamanya, kajian ini menjadi panduan kepada Institusi Perguruan Malaysia (IPGM) dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia yang berfungsi sebagai institusi pengubal dasar dan kerajaan bagi merangka pelan dan program perguruan. Kajian ini turut dilihat dari sudut pengaplikasian dan memberi sumbang terhadap teori dan praktikal. Jadi, kajian turut dapat dilihat sumbangannya kepada perkembangan teori yang sedia ada (*extention to the theory*) dalam pendidikan dan bidang teknologi.

1.7.2 Bukti Emprikal mengenai reka bentuk aplikasi dalam pendidikan

Justeru itu, kajian ini turut mempunyai kepentingan dalam membekalkan bukti empirikal terhadap pengenalan pastian reka bentuk aplikasi kepintaran buatan dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan analisis menerusi kesepakatan secara kolektif daripada pakar dapat memberi input kepada KPM dalam membangunkan aplikasi AI bagi semua mata pelajaran. Selain itu, kajian ini turut memberi input kepada KPM dalam mengintegrasikan elemen-elemen AI (*Artificial Intelligent*) kepintaran buatan dalam pendidikan. Kajian ini menjadi pemangkin kepada pembelajaran yang menekankan kaedah heutagogi dimana murid menjadi celik dalam memilih platform atau kaedah yang sesuai dengan kehendak sendiri.

1.7.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Seterusnya, kajian ini mempunyai kepentingan dalam merealisasikan hasrat kerajaan khususnya dalam melengkapkan transformasi pendidikan yang diterapkan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia perlu meningkatkan kompetensi dalam kalangan murid dan juga guru bagi menggunakan bahan bantu belajar dan mengajar yang berteraskan teknologi terkini seperti kepintaran buatan. Lantaran itu, murid-murid kurang bergantung pada guru dalam mengakses pendidikan.

1.7.4 Bahagian Pembangunan Kurikulum

Ditinjau dari sudut pengoperasian, bahagian pembangunan kurikulum mempunyai kepentingan dalam kajian ini. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dapat merangka kurikulum menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan aplikasi yang dibangunkan supaya memberi keyakinan kepada guru dan juga murid dalam menggunakannya. Selain itu, BPK turut boleh merangka kurikulum berdasarkan perkembangan teknologi dengan memberi input berkaitan dengan termologi teknologi terkini dalam pembelajaran bagi membiasakan diri murid dengan perkembangan teknologi. Jadi, kajian ini amat signifikan terhadap pembangunan sistem pendidikan yang menjurus pada abad ke 21. Pembangunan aplikasi ini dapat menampung lompang kajian yang sedia ada dalam bidang pendidikan dalam mengintegrasikan elemen kepintaran buatan bagi menyediakan bahan bantu belajar.

1.8 Batasan Kajian

Caroline @ Lorena David dan Abdul Said (2014) menyatakan batasan kajian merupakan aspek yang tidak dapat dielakkan dalam pelaksanaan sesebuah kajian. Dalam pada itu, kajian ini turut terikat dengan beberapa batasan atau limitasi kajian di mana kajian ini hanya tertumpu pada pembangunan sebuah aplikasi yang menggunakan teknologi kepintaran buatan sahaja. Selain itu, aplikasi ini turut memberikan output dalam bentuk grafik yang mana mampu membantu murid dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

Seterusnya, pemilihan atau penentuan lokasi dan sampel kajian juga merupakan batasan utama kajian ini. Kajian ini memerlukan sampel kajian iaitu murid dan juga guru-guru untuk tujuan menganalisis keperluan pembangunan aplikasi ini. Jadi, pengkaji menentukan guru-guru dan murid-murid yang berada di negeri Pulau Pinang bagi tujuan penelitian dalam fasa penganalisisan. Seterusnya, penentuan pakar-pakar dalam mendapatkan kesepakatan dan konses terhadap elemen-elemen yang perlu memuatkan dalam aplikasi yang dibangunkan turut memerlukan sampel kajian. Untuk tujuan itu, pengkaji menentukan pakar-pakar kajian dalam kalangan pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Maka, hasil kajian ini tidak dapat dijadikan sebagai pengukur bagi keadaan dan situasi di sekolah-sekolah lain terutamanya di sekolah rendah terhadap pembangunan aplikasi pembelajaran yang mengintegrasikan teknologi elemen kepintaran buatan.

1.9 Definisi Operasional

Dalam penulisan bab ini terdapat beberapa terma yang digunakan mempunyai maksud operasi dan mengikut konteks kajian ini seperti berikut:

1.9.1 Aplikasi Digital Pembelajaran

Narayan, Herrington dan Cochrane (2019) mendefinisikan aplikasi pembelajaran sebagai alat yang digunakan oleh pelajar bagi menimba ilmu. Manakala, Issac Paul dan Krishna Kumar (2020) menyatakan aplikasi pembelajaran sebagai bahan bantu belajar



yang digunakan oleh murid bagi tujuan mengakses pendidikan. Dalam konteks kajian, aplikasi pembelajaran ini adalah pembangunan aplikasi digital T2IG yang mengintegrasikan teknologi kepintaran buatan. Aplikasi pembelajaran yang dibangun dalam kajian ini mampu menjana grafik daripada teks yang dimuatkan oleh murid yang berfungsi sebagai pengguna aplikasi ini.

1.9.2 Kepintaran Buatan

Chen, Chen dan Lin (2020) mendefinisikan kepintaran buatan atau *Artificial Intelligent* sebagai sebuah elemen teknologi yang mempunyai kemampuan pemrosesan yang sangat besar, termasuk tingkah laku adaptif, seperti memasukkan sensor, dan kemampuan lain, yang memungkinkannya memiliki kemampuan kognitif dan fungsi seperti manusia, dan sesungguhnya, yang meningkatkan interaksi komputer dengan manusia. Manakala, Goksel dan Bozkurt (2019) menyatakan bahawa kepintaran buatan adalah domain teknologi yang berkembang pesat yang mampu mengubah setiap aspek interaksi sosial. Dalam konteks kajian ini, kepintaran buatan adalah teknik yang mampu menghasilkan penyelesaian pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.9.3 Infografik

Menurut Husni dan Aslina (2017) elemen grafik atau alat visualisasi merupakan suatu persembahan visual yang menginterpretasikan maklumat yang hendak disampaikan. Manakala, Hapsari, Hanif, Gunarhadi dan Roemintoyo (2019) menyatakan bahawa

elemen grafik ini adalah suatu kaedah pembelajaran dan pengajaran yang mampu meningkatkan tahap pemahaman murid dalam menguasai sesuatu topik pelajaran. Dalam konteks kajian ini, grafik merupakan output yang diterjemahkan daripada aplikasi yang menerima teks sebagai input. Antara infografik yang digunakan adalah *piefold infographic*, *funnel infographic*, *vertical bending infographic*, *block infographic* dan *process block infographic*.

1.9.4 Teori Hermeneutik

Teori Hermeneutik, dalam konteks kajian ini, merujuk kepada pendekatan analisis yang digunakan untuk menafsirkan dan memahami data kualitatif yang diperoleh melalui sesi temu bual dengan guru Bahasa Melayu. Teori ini adalah proses analisis data kualitatif yang mengutamakan pemahaman mendalam terhadap pandangan dan pengalaman subjek kajian, dengan menekankan pada interpretasi konteks dan makna yang tersirat dalam pernyataan mereka (Miles & Huberman, 1994). Proses ini melibatkan pencarian makna mendalam dan pengungkapan implikasi yang tersembunyi di sebalik respons dan pandangan yang diberikan oleh responden, serta mengintegrasikan makna tersebut dalam analisis kajian secara menyeluruh.

1.10 Rumusan

Kajian ini adalah bertujuan membangunkan aplikasi digital T2IG bagi pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. Sejajar itu, dalam bahagian ini telah



dibincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan batasan kajian seterusnya kepentingan dalam kajian ini dijalankan. Dalam bab kedua seterusnya, dibincangkan teori dan model yang menjadi panduan dalam menjalankan kajian ini dengan melaporkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan tema pentaksiran ini.

